

UCAPAN ENCIK SAAT A RAHMAN, PENGERUSI BERSAMA AGAB DAN EDITOR BERITA HARIAN, DI MAJLIS ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN (AGAB) 2019, DI ORCHID COUNTRY CLUB PADA SABTU, 9 NOVEMBER 2019.

Menteri Pendidikan,
Encik Ong Ye Kung

Setiausaha Parlimen Kanan
Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Pendidikan
Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim

Anggota Parlimen, GRC Ang Mo Kio
Penasihat, Jawatankuasa Penganjur AGAB 2019
Dr Intan Azura Mokhtar

Para pengurus bersama Jawatankuasa Penganjur AGAB 2019
Encik Zafilin Abdul Hamid, Encik Abdul Harris Sumardi, Encik Tajudin Jaffar

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Melati kuntum tumbuh melata,
Sayang merbah di pohon cemara;
Assalamualaikum pemula kata,
Semoga semua sihat sejahtera.

Terima kasih kerana meluangkan masa hadir di Majlis Penyampaian Anugerah Guru Arif Budiman ke-13 ini. Ia adalah majlis yang sungguh bermakna. Tahun demi tahun Agab semakin baik dan meriah.

Tahun ini kita menerima 677 pencalonan bagi 157 guru daripada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk daripada para guru, pelajar, ibu bapa dan orang awam.

Daripada pencalonan ini, para guru dinilai dan dipilih untuk ke peringkat seterusnya. Ramai guru kita yang sangat bermutu tetapi kita hanya boleh memilih beberapa penerima sahaja. Oleh itu, syabas saya ucapan penerima AGAB tahun ini, yang akan diumumkan sebentar nanti.

KEPENTINGAN DWIBAHASA DI SINGAPURA DAN DUNIA

Baru-baru ini, Perdana Menteri Lee Hsien Loong berkongsi satu hasil tinjauan yang menunjukkan bahawa keluarga di Singapura -- Cina, Melayu dan India -- lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama di rumah, iaitu sekitar 70 peratus.

Ia adalah realiti yang kita terima tetapi kita mahu mengimbanginya dengan bahasa ibunda kerana ia penting dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama. Bahasa adalah jiwa bangsa.

Bahasa ibunda juga ada nilai ekonomi. Kecekapan dalam bahasa ibunda dapat memperluas peluang kita dan anak-anak kita bukan sahaja di Singapura malah di persada dunia.

Menteri Ong Ye Kung baru-baru ini mengingatkan kita tentang peri pentingnya menguasai bahasa ibunda kerana ia membolehkan kita mengakses peluang ekonomi yang berharga di rantau ini.

PERANAN GURU DAN PENTINGNYA MERAIKAN SUMBANGAN MEREKA

Guru-guru Bahasa Melayu hari ini berdepan dengan cabaran bertambah. Bukan mudah bagi mereka mengajar murid-murid yang mungkin berfikir dan lebih terbiasa atau selesa berbahasa Inggeris.

Lantaran itu, mereka perlu memikirkan pendekatan kreatif untuk menarik minat pelajar dan menjadikan pengajian bahasa seronok, menarik dan bermakna.

Meraikan usaha, kerja keras dan jasa guru-guru kita penting. Merekalah yang memerah otak memikirkan cara terbaik mengajar anak-anak kita setiap hari. Menerusi AGAB, kita meraikan dan menghargai usaha para guru Bahasa Melayu kita ini.

Dan sempena menyambut dwiabad Singapura tahun ini, kita menghargai sumbangan para guru lama kita. Ada di antara mereka yang sudah berpulang. Namun, budi baik dan jasa mereka tetap dikenang. Sebahagian sumbangan mereka dipaparkan melalui pameran di belakang dewan ini.

PENUTUP

Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi penghargaan atas usaha sekretariat Jawatankuasa AGAB 2019 -- MLLPC, MBMS, PGBM dan BH. Mereka telah bertungkus-lumus memastikan majlis hari ini berjalan lancar.

Sekalung budi saya juga kepada para juri dan penilai yang telah meluangkan waktu membaca beratus-ratus halaman biodata, menyenarai pendek calon dan menemu duga mereka.

Dan terima kasih sekali lagi kerana sudi hadir memeriahkan Majlis AGAB tahun ini.